

19/07/2000

Marina diperintah bela diri

BUTTERWORTH, Selasa - Mahkamah Sesyen di sini, hari ini memerintahkan bekas Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusoff, membela diri terhadap tuduhan menghasut orang ramai dalam ceramahnya pada 29 September lalu.

Hakim Siti Mariah Ahmad, berkata selepas mendengar hujah pihak pendakwa dan pembela sebelum ini, beliau memutuskan wujud prima facie terhadap kes berkenaan.

Selepas perbicaraan membela diri disambung kemudian, Marina berkata pihak pendakwa hanya mengambil sebahagian daripada kenyataan yang dibuatnya pada majlis ceramah anjuran DAP itu.

Beliau kemudian membacakan salinan ucapan yang dibuat secara bertulis lengkap selepas diminta peguam belanya, Raja Aziz Addruse.

Marina berkata, beliau membuat kenyataan itu sebagai menjawab kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dikatakan beberapa kali membuat ucapan mengenai peristiwa 13 Mei.

Beliau kemudian membacakan sebahagian petikan Berita Harian bertarikh 10 Ogos tahun lalu yang melaporkan mengenai kenyataan berkenaan.

"Saya hanya ingin meredakan keadaan dan memberi jaminan kepada rakyat, terutama kaum Cina bahawa jika Barisan Alternatif dipilih (dalam pilihan raya umum), kita akan pastikan tidak berlaku kekacauan," katanya.

Beliau juga memberikan jaminan kepada orang Cina orang Melayu akan menjaga keselamatan mereka di kawasan Melayu, dan begitu juga sebaliknya.

Marina, 58, menghadapi pertuduhan mengikut Akta Hasutan 1948 kerana menghasut orang ramai melalui ceramahnya pada 29 September tahun lalu di Dewan Chang Hua Kor Moral Uplifting Society, dekat Bukit Mertajam, Seberang Prai Tengah (SPT).

Marina didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang boleh membawa hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Noorbahri Baharuddin dan Ahmad Fairuz Zainol Abidin, manakala Raja Aziz turut dibantu Christopher Leong dan Gopal Sreenevasan.

Perbicaraan ditangguhkan tengah hari ini apabila pihak pembela mengemukakan satu dokumen yang didakwa diperolehi daripada Pejabat Rekod Awam di London.

Menurut Noorbahri, pihaknya perlu meneliti terlebih dulu dokumen itu sebelum membuat keputusan lanjut mengenainya, apabila mahkamah bersidang semula, esok.

(END)